

DALAM TRIBUNAL KOPERASI KES T-61-2011
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

MASHIDHAH BINTI NORDIN

PEMOHON

DAN

KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD (KOWAJA)

RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN SEBULAT SUARA: PUAN TAN GHEE PHAIK, Pengerusi Tribunal Koperasi; TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB, Anggota Panel SKM; DAN TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, Anggota Panel Koperasi

Pemohon telah mengambil pinjaman peribadi daripada Responden pada 25.02.2009 melalui agen Responden. Terdapat pertikaian berkenaan dengan jumlah pinjaman yang telah dipohon oleh Pemohon dan juga tempoh pinjaman serta kadar faedah yang dipersetujui di antara Pemohon dan agen Responden dengan apa yang dinyatakan dalam perjanjian di antara Pemohon dan Responden seperti mana ditunjukkan di dalam ms 9-14 Eksibit P1.

Muka surat 9-14 Eksibit P1 adalah sebahagian daripada dokumen-dokumen yang dilampirkan kepada Kenyataan Saksi Pemohon yang difailkan oleh Pemohon semasa pendengaran kes ini. Dokumen yang difailkan oleh Responden dalam Ikatan Dokumen Responden ditandakan sebagai R4. Perjanjian pinjaman yang sama seperti di ms 9-14 P1 telah dikemukakan oleh Responden di ms 9-14 R4. Akan tetapi, Responden telah menunjukkan 'M/S6' (original pagination) perjanjian tersebut iaitu Jadual

kepada perjanjian pinjaman tersebut sebagai ms 13 R4 di hadapan 'M/S5'. Manakala 'M/S5' perjanjian tersebut, iaitu muka surat di mana terdapat tandatangan kedua-dua pihak, (signing page) ditunjukkan sebagai ms 14 R4. Oleh ini, 'M/S5' yang sepatutnya berada di hadapan kini berada di belakang 'M/S6'.

Mengikut Pemohon, semasa perjanjian pinjaman diberikan kepadanya untuk ditandatangani, Pemohon telah tidak ditunjukkan ms 13 R4 iaitu Jadual kepada perjanjian di mana tidak ada tandatangannya. Manakala Responden tetap menyatakan bahawa Pemohon 'telah memahami dan bersetuju dengan kandungan perjanjian ini, dan wajib dengan syarat-syarat perjanjian ini' iaitu termasuk segala terma-terma dalam Jadual di ms 13 R4 atas alasan bahawa Pemohon telah menandatangani perjanjian pinjaman tersebut di mana terma-terma dalam Jadual di ms 13 R4 telah ditunjukkan kepada Pemohon sebelum Pemohon menandatangani perjanjian pinjaman tersebut di ms14 R4 dan oleh kerana tanda tangan Pemohon berada di ms 14 iaitu di belakang Jadual tersebut, maka Pemohon terikat dengan syarat-syarat dalam Jadual tersebut.

Pemohon menyatakan bahawa dia telah bersetuju dengan agen Responden untuk mengambil jumlah pinjaman sebanyak RM60,000.00 manakala apa yang ditunjukkan dalam ms 13 R4 adalah RM68,000.00; tempoh pinjaman selama 48 bulan yang dipersetujui oleh Pemohon dan agen Responden ditunjukkan dalam Jadual di ms 13 R4 sebagai 72 bulan; dan faedah ke atas pinjaman sebanyak 2.5% yang diberitahu oleh agen Responden kepada Pemohon ditunjukkan dalam Jadual di ms 13 R4 sebagai 10%.

Setelah meneliti dengan lebih cermat tanda tangannya di ms 10 dan 12 R4, Pemohon menyatakan bahawa tandatangan di muka surat-muka surat tersebut bukannya tandatangannya walaupun pada

mulanya Pemohon menyatakan bahawa ia ada menandatangani perjanjian tersebut. Responden telah berhujah bahawa Pemohon telah melihat Jadual di ms 13 R4 bila dia menandatangani ms 14 R4 dan telah bersetuju dengan kandungan yang tertera dalam Jadual tersebut. Responden juga tetap menyatakan bahawa ms 13 R4 adalah dokumen yang berada di depan ms 14 R4 yang telah ditandatangani oleh Pemohon dan Responden.

Keterangan SR2 mengenai perkara ini tidak dapat diterima oleh Tribunal Koperasi ini kerana adalah jelas dalam dokumen Responden sendiri bahawa ms 13 R4 telah ditandakan sebagai "M/S6" manakala ms 14 R4 ditandakan sebagai "M/S5". Di samping itu, setelah ditelitikan ms 7 R4 iaitu Borang BPA yang telah diisi oleh Pemohon bagi potongan gajinya dengan Biro Perkhidmatan ANGKASA, adalah didapati bahawa di tempat di mana "Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan" diisikan, pada mulanya, apa yang ditulis dalam tulisan tangan Pemohon adalah "RM60,000" tetapi angka "0" selepas angka "6" telah diubah dan ditambahkan satu lagi bulatan kecil di bahagian atas angka "0" untuk menjadinyakan kelihatan sebagai angka "8".

Responden telah tidak mencabar keterangan yang telah diberikan oleh SP1. Responden telah memanggil SR2 untuk memberi keterangan bagi pihaknya tetapi semasa pemeriksaan balas, SR2 telah mengaku bahawa dia tidak kenal agen Responden yang telah berurusan dengan Pemohon. Responden juga tidak dapat memberikan sebarang penjelasan mengenai pengubahan angka '0' kepada '8' dalam ms 7 R4.

Dalam Pemeriksaan Utamanya, SR2 telah menyatakan melalui Penyataan Saksi Responden bahawa terdapat suatu prosidur yang perlu diikuti dalam pemberian sesuatu pinjaman seperti berikut:

“Soalan Peguam Responden - :7. Sila terangkan proses atau prosidur yang terlibat untuk satu pinjaman.

- Jawapan SR2
- i) Borang permohonan diisi;
 - ii) Borang untuk menjadi ahli KOWAJA perlu diisi;
 - iii) Surat Waad untuk membeli – anggota memberi kebenaran kepada KOWAJA untuk membeli komoditi;
 - iv) Surat Pelantikan Wakil – anggota melantik KOWAJA sebagai agen untuk membeli komoditi;
 - v) Surat Tawaran;
 - vi) Surat Kebenaran Pembayaran kepada pihak lain – anggota memberi kebenaran kepada KOWAJA untuk membuat penyelesaian dengan pihak ketiga, sekiranya perlu;
 - vii) Borang 1/79 – anggota memberi kebenaran kepada KOWAJA untuk menolak ansuran bulanan melalui Biro ANGKASA;
 - viii) Perjanjian Pinjaman”

Hujahan Pemohon adalah bahawa Responden sendiri tidak mengikuti prosidur yang dinyatakan oleh SR2 dalam pemberian pinjaman kepadanya. Langkah-langkah yang disebutkan dalam para 7(ii) hingga ke (vi) telah gagal dipatuhi oleh Responden sebab Pemohon tidak pernah diberikan borang-borang

terbabit untuk diisi dan ditandatangani. Borang-borang tersebut adalah (1) Borang Keahlian; (2) Surat Waad untuk membeli; (3) Surat Pelantikan Wakil; (4) Surat Tawaran; dan (5) Surat Kebenaran Pembayaran kepada pihak lain.

SR2 juga menyatakan bahawa sepatutnya Pemohon diberikan surat tawaran terlebih dahulu sebelum menandatangani perjanjian pinjaman. Dalam kes ini, Pemohon tidak pernah diberikan surat tawaran yang menyatakan jumlah pinjaman yang diluluskan serta tempoh pinjaman dan kadar faedah yang akan dikenakan ke atasnya dan SR2 telah tidak memberitahu Tribunal Koperasi ini kenapa prosidur yang dikenakan oleh Responden sendiri tidak diikuti dalam kes ini. Mengikut ms 4 Borang A yang dikemukakan oleh Pemohon, agen Responden telah menulis dalam tulisan tangannya sendiri jumlah pinjaman yang akan diberikan adalah sebanyak "60K" dengan kadar faedah "2.5" untuk "4" tahun dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak "1375". Oleh ini pada setiap masa, Pemohon mempercayai bahawa Responden telah memberi pinjaman kepadanya mengikut apa yang telah dipersetujui di antara Pemohon dengan agen Responden.

Pemohon mula mengesyaki bahawa ada sesuatu yang tidak betul bila dia mendapati bahawa potongan gajinya adalah sebanyak RM1511.11 iaitu suatu jumlah yang lebih tinggi daripada jumlah RM1375.00 yang dipersetujui dengan agen Responden. SR2 juga menyatakan bahawa dia tidak pernah melihat surat tawaran bagi pinjaman ini dalam fail pejabatnya dan tidak pasti kenapa surat tawaran tidak terlebih dahulu diberikan kepada Pemohon. Ini dengan jelasnya menyangkal hujahan Responden bahawa Responden telah mengikuti kod etika yang perlu diikuti oleh kesemua Pengurus Unit di mana agensi mereka akan ditamatkan sekiranya didapati mereka telah melanggar kod etika tersebut. Encik Tan Tai Meng iaitu Pengurus Unit yang bertanggungjawab dalam kes ini telah tidak dipanggil untuk

memberi keterangan bagi pihak Responden. Di sebaliknya, SR2 yang tidak mengenali Encik Tan Tai Meng atau Encik Chin Sen Fatt iaitu agen kepada Responden, telah diminta memberi pengesahan bahawa prosidur atau kod etika memberi pinjaman Responden telah dipatuhi dalam kes ini.

Walaupun Pemohon telah berusaha banyak kali untuk menelefon dan berjumpa dengan agen Responden namun dia tidak berjaya kerana agen Responden tidak dapat dihubungi. Pemohon hanya dapat tahu bahawa dia telah tertipu apabila dia mendapat satu salinan perjanjian pinjaman dari pejabat Responden pada 5.3.2010 daripada Puan Salwa@Salwana. Mengikut Pemohon, Puan Salwana telah memberitahunya bahawa Tan Tai Meng adalah Pengurus Cawangan yang beralamat di Tan Tai Meng Enterprise, Lot 3, Jalan Balakong, Batu 11 43200 Kajang, Selangor seperti mana ditunjukkan di ms 15 P1.

Mengikut perjanjian pinjaman, wang pinjaman yang diluluskan oleh Responden kepada Pemohon adalah sebanyak RM68,000.00. Akan tetapi, jumlah wang sebenar yang diterima oleh Pemohon hanyalah RM57,775.00 iaitu terdapat kekurangan jumlah wang sebanyak RM10,225.00. Pemohon tidak pernah dimaklumkan berkenaan dengan jumlah potongan yang telah dikenakan terhadapnya. Sehingga hari ini, Responden telah gagal memberi sebarang penjelasan mengenai potongan ini. Keterangan SR2 bahawa potongan dibuat kerana ada “advance installment” dan lain-lain kos seperti pembayaran liabiliti dan risiko koperasi, pembayaran koperasi, perlindungan pinjaman, guaman, kos pentadbiran, dokumentasi, risiko tempoh (grace period interest), bayaran perkhidmatan oleh cawangan koperasi. Semasa perjalanan kes ini, Responden telah tidak mengemukakan sebarang dokumen untuk menunjukkan bahawa dalam kes ini kesemua kos tersebut telah dialami atau “advance installment” telah diberikan kepada Pemohon. SR2 hanya memberi gambaran secara am dan tidak dapat memberi

sebarang baucer atau resit atau inbois bagi perbelanjaan yang spesifik yang SR2 kata telah dibelanjakan dalam kes ini, misalnya resit bagi kos guaman yang dibayar kepada firma peguam yang menyediakan perjanjian pinjaman. Tiada bukti yang boleh diperolehi daripada ms 9-14 R4 bahawa perjanjian pinjaman tersebut telah diuruskan oleh mana-mana peguam.

Responden juga tidak menunjukkan sebarang pengiraan bagaimana jumlah RM10,225.00 telah dibelanjakan. Dalam hujahannya, Responden juga tidak memberi penjelasan sama ada ia mempunyai hak untuk membuat potongan tersebut. Maka berdasarkan kepada keterangan yang diberikan, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya membuat keputusan bahawa jumlah perbezaan wang pinjaman sebanyak RM10,225.00 yang tidak diterima oleh Pemohon harus dipulangkan kepada Pemohon dengan sepenuhnya.

Berkaitan dengan soal sama ada Pemohon adalah seorang anggota dalam KOWAJA, Pemohon tetap dengan pendiriannya bahawa dia tidak pernah menjadi anggota KOWAJA. Responden telah tidak mengemukakan nombor keahlian Responden, minit mesyuarat penerimaan Pemohon sebagai anggota, daftar anggota Responden atau bukti pembayaran saham atau yuran keahlian di sepanjang perbicaraan kes ini sebagai bukti untuk menafikan pernyataan Pemohon. Tanpa keterangan tersebut, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara membuat keputusan bahawa Pemohon bukannya anggota Responden dan Responden tidak boleh meminjam wang kepadanya. Tindakan Responden memberi pinjaman kepada orang awam yang bukan anggotanya bercanggah dengan seksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 yang memperuntukkan bahawa koperasi hanya boleh memberi kemudahan kredit atau apa-apa pembiayaan Islam kepada anggotanya, pekerjaanya, subsidiarinya, atau koperasi lain sebagaimana yang diluluskan oleh SKM.

Dalam kes **Browning V Morris [(1778) 2 Cowp. 790, at p 792]**, Lord Mansfield menyatakan seperti berikut:

“But, where contracts or transactions are prohibited by positive statutes, for the sake of protecting one set of men from another set of men; the one, from their situation and condition, being liable to be oppressed or imposed upon by the other; there, the parties are not in pari delicto; and in furtherance of these statutes, the person injured, after the transaction is finished and completed, may bring his action and defeat the contract.”

Satu lagi hujahan Responden adalah Pemohon telah mengambil masa 11 bulan untuk mengambil tindakan dalam kes ini. Jikapun benar, hujahan Responden tidak membawa kesan negatif kepada tuntutan Pemohon. Permohonan Pemohon untuk izin memfailkan Borang A di Tribunal ini telah dikemukakan kepada Bahagian Litigasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui surat Pemohon bertarikh 4 Januari 2010. Potongan gaji Pemohon telah bermula sejak akhir bulan April 2009 dan Pemohon juga telah menelefon Responden melalui panggilan telefon beberapa kali serta datang ke pejabat Responden di Kuala Lumpur. Pemohon bertugas sebagai Houseman di Bahagian Sakit Puan di Negeri Sembilan dan terpaksa bekerja pada hari Sabtu dan Ahad juga. Walau apapun alasan yang dikemukakan, kelewatan mengambil tindakan dalam beberapa bulan ini tidak memadamkan hak Pemohon untuk membawa kes pertikaian terhadap Responden ataupun menghalang Pemohon daripada mencabar keesahan perjanjian pinjaman di antaranya dan Responden. Tambahan lagi dalam hujahan ringkas Responden, Responden tidak mengemukakan sebarang nas undang-undang untuk menunjukkan bahawa kelewatan bagi tempoh “11 bulan” yang dikatakan oleh Responden telah meniadakan hak Pemohon untuk membuat tuntutan terhadap Responden atau meminta relif daripada Tribunal Koperasi ini.

Maka Tribunal Koperasi ini memutuskan bahawa hujahan Responden tidak material dan tidak memberi kesan negatif kepada tuntutan Pemohon. Kes di hadapan Tribunal Koperasi ini juga tidak dihalang oleh sebarang had masa dan tiada halangan dari segi undang-undang untuk Tribunal Koperasi ini memberi relif yang dipohon oleh Pemohon.

Dalam hujahan ringkasnya, Responden telah memohon agar jumlah RM55,140.03 dibayar oleh Pemohon kepada Responden. Mengikut keterangan SR2, Pemohon dibenarkan membuat penyelesaian awal dan bila Pemohon membuat penyelesaian awal, rebet akan diberikan kepada Pemohon berdasarkan atas budi bicara Responden. SR2 telah merujuk kepada ms 1-3 R4 iaitu jadual ibrar dan menyatakan bahawa jika penyelesaian awal dibuat oleh Pemohon pada 11 Ogos 2011 iaitu di bayaran ke-30 maka jumlah baki pinjaman pokok adalah RM50,291.02, dan faedah keuntungan yang perlu dibayar oleh Pemohon adalah RM14,019.18. Mengikut pengiraan Responden, dengan rebet yang diberikan kepada Pemohon, jumlah tertunggak adalah RM55,140.03.

Terdapat tiga perkara yang menarik perhatian Tribunal Koperasi ini setelah melihat jadual ibrar ini. Pertama adalah, selama ini perjanjian Reponden tidak menyatakan bahawa pinjaman di antara Pemohon dan Responden adalah berdasarkan kepada jadual ibrar dan adalah pembiayaan Islam. Dalam Jadual kepada perjanjian pinjaman dan syarat-syarat perjanjian pinjaman di antara Pemohon dan Responden, adalah jelas bahawa “faedah” dikenakan terhadap Pemohon. Jelas bahawa di bawah pembiayaan cara Islam, terdapat jadual ibrar bagi menunjukkan keuntungan masa depan. Ini adalah kerana pengenaan faedah adalah haram di bawah undang-undang Islam. Dalam Jadual kepada perjanjian di antara Pemohon dan Responden dinyatakan kadar faedah yang dikenakan. Maka adalah jelas bahawa perjanjian ini bukannya suatu perjanjian pembiayaan cara Islam dan dengan ini jadual

ibrar yang dikemukakan oleh Responden tidak boleh digunakan. Perkara kedua adalah jikapun jadual ibrar tersebut boleh digunakan, apa yang ditunjukkan oleh Responden adalah Responden mengenakan jumlah faedah yang jauh lebih tinggi daripada kadar yang dipersetujui setiap bulan sepertimana dapat dilihat di kolum ke-5 di mana “% of Cumm Profit Earned” adalah berbeza-beza setiap bulan bukan sahaja melebihi 2.5% setahun yang dipersetujui tetapi juga melebihi 10% yang didakwa oleh Responden. Perkara ketiga adalah Responden telah menuntut supaya Pemohon membayar kepadanya jumlah wang dalam jadual ibrar yang termasuk faedah bagi tempoh selepas daripada tarikh penyelesaian pinjaman Pemohon. Mengikut keputusan kes-kes Mahkamah Tinggi yang akan dikemukakan di bawah ini, Responden tidak berhak menuntut segala keuntungan yang belum matang dan belum genap dibayar (*unearned profit*).

Prinsip bahawa pengenaan faedah adalah haram di bawah pembiayaan pinjaman cara Islam jelas dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes **Bank Islam Malaysia Berhad V Lim Kok Hoe & Other Appeals [2009] 6 MLJ 839**. Di ms 9 perenggan 24-25, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

“We have no hesitation in accepting that ‘riba’ or interest is prohibited in Islam. Bai Bithaman Ajil contract (‘BBA contract’) is a sale agreement whereas a conventional loan agreement is a money lending transaction. The two transactions are diversely different and indeed diametrically opposed.

Thus, the learned judge was plainly wrong when he equated the profit earned by BIMB as being similar to ‘riba’ or interest. The two cannot be similar as BBA contract is in fact a trade transaction. It is a transaction between the

customer and the bank. In such a transaction, there is a purchase agreement and a separate sale agreement between the customer and the bank.”

Dalam kes ini, Pemohon telah memberi keterangan bahawa dia tidak pernah diberikan ‘Surat Waad Untuk Membeli’ di mana Pemohon akan memberi kebenaran kepada KOWAJA untuk membeli komoditi dan tidak ada ‘Surat Pelantikan Wakil’ di mana Pemohon melantik KOWAJA sebagai agen untuk membeli komoditi. Maka transaksi yang dimaksudkan oleh Mahkamah Rayuan tidak wujud dan tidak ada persetujuan membeli atau menjual di antara Responden dan Pemohon. Tribunal Koperasi ini terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Oleh ini, adalah diputuskan dengan sebulat suara bahawa perjanjian di antara Pemohon dan Responden bukannya perjanjian pembiayaan cara Islam dan jadual ibrar yang dikemukakan oleh SR2 tidak terpakai dalam kes ini.

Jikapun perjanjian pinjaman dalam kes ini boleh dianggap sebagai suatu pembiayaan Islam, Responden tidak berhak menuntut segala keuntungan yang belum matang dan belum genap dibayar (*unearned profit*). Dalam kes tersebut di atas, Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes **Affin Bank Bhd V Zulkifli Abdullah [2006] 3 MLJ 67, [2006] 1 CLJ 438**. Mahkamah Rayuan tidak membatalkan keputusan dalam kes **Affin Bank Bhd**. Dalam kes **Affin Bank Bhd Hakim Mahkamah Tinggi, YA Abdul Wahab Patail** memutuskan bahawa peminjam tidak boleh dikehendaki membayar keuntungan margin bank sehingga tamat tempoh pembiayaan yang dipersetujui kerana ini akan membenarkan bank membuat keuntungan bagi tempoh kemudahan tersebut yang belum matang dan bercanggah dengan prinsip pembiayaan pinjaman cara Islam.

Selanjutnya, dalam kes **Bank Islam Malaysia Bhd V Azhar Bin Osman (and 3 Other Suits) [2010] 3 AMR 363, 373**, iaitu suatu kes berkaitan dengan pembiayaan pinjaman cara Bai Bithaman Ajil, Mahkamah Tinggi telah ditugaskan menjawab isu sama ada mahkamah perlu membenarkan bank menguatkuasakan keseluruhan harga jualan tanpa mengambil kira masa kontrak pinjaman ditamatkan. Setelah mengkaji beberapa kes sebelum itu, **YA Rohana H** memutuskan seperti berikut:

*“Thus far, there are a few decisions of the High court that relate to the quantum of plaintiff’s claim in BBA contract [Bai Bithaman Ajil contract]. The first of such cases is, **Affin Bank Bhd V Zulkifli Abdullah [2006] 3 MLJ 67**. In that case it was held that the bank cannot claim the full sale price of the property in the event of default by the customer. The learned judge in that case allowed the balance due on the date of judgment by computing the profit on a day basis that is due to the bank until full settlement. The court took an approach of determining the bank’s profit per day and allowing the same up till date of realization. This case was later followed by **Malayan Banking Bhd V Marilyn Ho Siok Lin [2006] 7 MLJ 249**. The High Court in **Malayan Banking Bhd** did not allow the full sale price to be the amount stipulated for an order for sale but instead followed **Affin Bank’s** approach. Further to that, the court ruled that it would not be equitable to allow the bank to recover the full sale price as defined in the instrument when the tenure of the facility was determined prematurely. In **Malayan Banking Bhd V Ya’kup b Oje & Anor [2007] 6 AMR 135; [2007] 6 MLJ 389**, the High Court also did not allow the plaintiff to enforce payment of the full sale price stipulated in the application for order for sale but instead ordered the bank to put up an*

affidavit to indicate the amount of rebate to be granted before allowing an order for sale. ...

In all the above decisions, when a BBA contract is prematurely terminated upon default by the borrower, the court did not allow the bank to enforce the payment of the full sale price in a premature termination. [Emphasis added]. The underlying principle[s] which come to fore, derived from these decisions is clear. The court does not enforce payment of the full sale price but intervene on equitable grounds, albeit based on different approaches.”

Dalam kes **Tahan Steel Corporation Sdn Bhd v Bank Islam Malaysia Berhad [2001] 1 AMCR 302**, iaitu suatu kes di mana terdapat pembiayaan cara Islam bernama *Al Istisnaa*. Mengikut cara pembiayaan *Al Istisnaa*, defendan membeli projek bernilai RM97 juta daripada plaintiff sepertimana yang diperuntukkan dalam perjanjian pembelian (**Al Istisnaa Purchase Agreement –“APA”**). Defendan juga bersetuju menjual balik projek tersebut kepada plaintiff dengan harga RM185,360,000 melalui perjanjian jualan (**Al Istisnaa Sale Agreement –“ASA”**). dan akan membuat bayaran ansuran empat kali setahun. Defendan hanya membenarkan 2 daripada 3 pengeluaran bayaran (*drawdown*) yang sepatutnya dibayar kepada plaintiff. Salah satu isu dalam kes ini adalah plaintiff menyatakan bahawa defendan telah memungkiri perjanjian pembelian, iaitu APA dan menuntut ganti rugi daripada defendan.

Dalam memutuskan isu ini, di ms 324 para 46, YA Hakim Rohana menyatakan seperti berikut:

*“The defendant raised issue on the computation of the quantum of the defendant’s counterclaim for failure of the defendant to take into account unearned profit of the amount not drawdown. The counterclaim of the defendant is based on the sum under the ASA. Under the ASA the total sale price payable to the defendant by the plaintiff is RM185,360,000. The defendant produced a certificate of indebtedness at p 1 of Bundle B3 stating that the amount outstanding as [at] the date therein is RM143,758,099.14. This figure is derived from the total of sale price under the ASA of RM185,360,000. The payment received of RM3,485,446.75 was deducted and adding miscellaneous cost advance of RM167,611.05 and further deducting the undrawn amount of RM30,414,061.05. **I have deliberated at length on the quantum of claim in my earlier decision in Bank Islam Malaysia Bhd v Azhar b Osman & Other Cases [2010] 3 AMR 363; [2010] 5 CLJ 54, where the quantum of claim will have to take into account the unearned profit which has not become due to the bank. Following that principle, I have allowed the counterclaim by the defendant with costs in the following terms. The amount due to be paid by the plaintiff is to be based on the total sale price under the ASA adding other costs allowed thereunder, deducting the undrawn portion plus profit and deducting the payment made by the plaintiff. The sum is subject to a deduction of the unearned profit (in) [if] any, upon realization together with costs.”** [Emphasis added]*

Walaupun kes-kes pinjaman perbankan tidak sebulat-bulatnya sama syaratnya dengan kes-kes koperasi dalam segala aspek, prinsip-prinsip berkaitan dengan pembayaran balik harga jualan dengan sepenuhnya dalam keadaan di mana ada pembayaran balik lebih awal atau pemendekkan tempoh jualan sepertimana yang diputuskan di Mahkamah Tinggi adalah terpakai. Keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi mengikat Tribunal Koperasi ini mengikut prinsip *stare decisis*. Maka, dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip dalam kes-kes Mahkamah Tinggi yang tersebut di atas, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa jikapun perjanjian pinjaman di antara Pemohon dan Responden adalah kontrak pembiayaan Islam, Responden tidak boleh mengenakan ***unearned profit*** atau keuntungan belum peroleh ke atas Pemohon atau menuntut keuntungan belum peroleh itu daripada Pemohon dan kuantum pembayaran balik lebih awal hendaklah tidak termasuk jumlah keuntungan belum peroleh yang masih belum akrue kepada Responden.

Dalam kes ini, didapati bahawa ada pelanggaran undang-undang oleh Responden dan pemalsuan tanda tangan Pemohon serta jumlah pinjaman di dalam Borang BPA untuk potongan gaji Pemohon. Dalam kes Tribunal Koperasi T-42-2011 di antara **Malathy A/P Nadarajah dan Koperasi Wawasan Pekerja-Pekerja Berhad (Kowaja)**, Tribunal Koperasi ini membuat keputusan sebulat suara bahawa Responden tidak dibenarkan menuntut balik jumlah baki pinjaman dan faedah dengan berpandukan kepada perjanjian pinjaman di mana tanda tangan Pemohon telah dipalsukan. Dalam kes **Bank Islam Malaysia Berhad V Lim Kok Hoe and other appeals**, iaitu kes Mahkamah Rayuan yang tersebut di atas, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa jika tidak terdapatnya faktor-faktor yang mencacatkan sesuatu kontrak seperti fraud, paksaan, pengaruh tak wajar dan sebagainya, maka mahkamah mempunyai kewajiban melindungi kesucian kontrak tersebut. Tribunal Koperasi ini berpendapat bahawa Responden tidak boleh dibenarkan menyalahgunakan sistem potongan gaji

pegawai dan kakitangan Kerajaan melalui ANGKASA yang telah diadakan oleh Kerajaan untuk memudahkan sesebuah koperasi menuntut balik hutang pinjaman daripada anggotanya.

Dalam kes ini, Pemohon telah bersetuju untuk membayar baki pinjaman sebanyak RM10,713.59 setakat bulan bulan Oktober 2011 setelah ditolak bayaran ansuran potongan gaji Pemohon yang telah dibayar oleh Pemohon dari April 2009 hingga Oktober 2011 iaitu sebanyak RM47,061.41. Maka Tribunal Koperasi ini membuat keputusan membenarkan permohonan Pemohon untuk membuat bayaran RM10,713.59 sebagai penyelesaian muktamad bagi baki pinjamannya dalam kes ini. Pengiraan bagi mendapat jumlah baki pinjaman yang hendak diselesaikan oleh Pemohon sebanyak RM10,713.59 adalah seperti berikut:

Pinjaman Pokok	:	RM57,775.00
Tolak potongan gaji (BPA) April 2009 hingga Oktober 2011	:	RM47,061.41
Jumlah baki pinjaman (penyelesaian) setakat Oktober 2011	:	RM10,713.59

Pihak ANGKASA dan majikan Pemohon hendaklah diserahkan dengan satu salinan Award Tribunal Koperasi ini dan memberhentikan potongan BPA ke atas gaji Pemohon mulai bulan Jun 2012. Baki Pokok Pinjaman yang tidak dipotong melalui BPA sehingga ke bulan Mei 2012, (iaitu RM10,713.59 tolak RM10,577.77 iaitu jumlah potongan BPA dari bulan Nov 2011 sehingga Mei 2012) sebanyak RM135.82 hendaklah dijelaskan oleh Pemohon sendiri kepada Responden.

Bertarikh pada 13 Januari 2012

PUAN TAN GHEE PHAIK,
PENGERUSI TRIBUNAL KOPERASI

DALAM TRIBUNAL KOPERASI KES T-61-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

MASHIDHAH BINTI NORDIN

.PEMOHON

DAN

KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD (KOWAJA)

RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB, ANGGOTA PANEL SKM

Di dalam kes ini, Ahli Panel SKM berpandangan, terdapat beberapa isu penting yang boleh dijadikan intipati didalam alasan penghakiman, seperti di bawah ini.

Pemohon Bukan Anggota kepada KOWAJA.

Melalui keterangan Pemohon di dalam Penyata Saksi Pemohon (P1), Pemohon tidak pernah memohon menjadi anggota kepada Responden kerana tidak pernah mengisi borang untuk menjadi anggota.

Sepanjang perbicaraan diadakan, Peguam Responden pula tidak menafikan kenyataan Pemohon dan membuktikan bahawa Pemohon adalah anggota kepada Responden dengan mengemukakan bukti kepada Tribunal ini bahawa Pemohon ada mengisi borang permohonan untuk menjadi anggota Responden atau dokumen-dokumen lain seperti senarai daftar keanggotaan, bayaran fi masuk sebagai anggota dan sebagainya.

Oleh itu, adalah menjadi kesalahan mengikut seksyen 51(1) Akta Koperasi 1993, kepada KOWAJA memberikan apa-apa pinjaman atau kemudahan kredit lain kepada bukan anggotanya.

Prosedur Pemberian Pinjaman Yang Ditetapkan Oleh Responden Tidak Dipatuhi Sepenuhnya.

Di dalam Penyataan Saksi Responden (R3), En Shafik Ramesh Bin Abdullah telah ditanya berkenaan Prosedur Pemberian Pinjaman yang diamalkan oleh KOWAJA. Mengikut kenyataan En. Shafik, bagi setiap permohonan, anggota-anggota yang ingin membuat pinjaman dikehendaki mengisi Borang Permohonan, Borang untuk menjadi anggota KOWAJA, Surat Waad dari anggota memberi kebenaran kepada KOWAJA untuk membeli komoditi, surat pelantikan wakil, surat tawaran, surat kebenaran kepada KOWAJA membuat pembayaran kepada pihak ketiga jika perlu, Borang 1/79 (borang potongan ANGKASA) dan perjanjian pinjaman.

Di dalam Penghujahan Bertulis Pemohon, Pemohon tidak pernah diberikan beberapa borang seperti dinyatakan tersebut untuk diisi dan ditandatangani iaitu borang keahlian, surat waad untuk membeli, surat pelantikan wakil, surat tawaran dan surat kebenaran pembayaran kepada pihak lain.

Panel SKM berpendapat, prosedur yang tidak dipatuhi ini boleh menyebabkan berlakunya manipulasi kepada keseluruhan proses pinjaman seperti didakwa Pemohon.

Responden Telah Mengubah Jumlah Pinjaman Yang Dibuat Oleh Pemohon.

Isu utama alasan award di dalam kes ini ialah Responden melalui ejennya didapati telah melakukan manipulasi ke atas borang pinjaman Pemohon di mana melalui mata kasar dapat dilihat, di dalam Borang BPA 1/79 yang ditandatangani Pemohon, didapati angka '0' pada 'RM60,000.00', terdapat tulisan tebal yang tidak selari dengan tulisan asal yang menunjukkan angka tersebut telah diubah kepada angka '8' menjadikan jumlah pinjaman 'RM68,000.00'.

Manipulasi atau penipuan ke atas dokumen perjanjian ini menyebabkan perjanjian ini tidak sah. Apatah lagi Pemohon hanya diberikan perjanjian berupa salinan fotostat sepertimana diakui sendiri oleh saksi Responden bahawa beliau sendiri tidak pernah melihat dokumen perjanjian asal.

Oleh yang demikian, Ahli Panel SKM berpandangan permohonan Pemohon seperti yang dinyatakan di dalam borang A adalah dibenarkan.

Saya telah membaca draf alasan award Pengerusi Tribunal Koperasi dan bersetuju dengan alasan beliau.

Bertarikh: 13 Januari 2012.

TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB

ANGGOTA PANEL SKM

DALAM TRIBUNAL KOPERASI KES T-61-2011

DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

MASHIDHAH BINTI NORDIN

PEMOHON

DAN

KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD (KOWAJA)

RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, ANGGOTA PANEL KOPERASI

1. Dalam kes ini Pemohon merupakan seorang awam dan tidak menjadi anggota berdaftar kepada koperasi Responden, kerana sepanjang perbicaraan ini Pemohon tidak membuktikannya.
2. Responden juga tidak dapat mengesahkan bahawa Pemohon sebenarnya adalah seorang anggota Responden yang tulin.
3. Koperasi (KOWAJA) bukan koperasi yang tulin seperti yang termaktub di dalam Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Bahagian III Bab 13 “Dokumen terbuka untuk diperiksa”.

4. Pemohon juga mengatakan bahawa beliau telah tertipu dari segi jumlah pinjaman yang diluluskan dengan jumlah pinjaman yang dipohon. Jumlah diluluskan RM68,000.00 sedangkan beliau hanya memohon RM60,000.00.
5. Dari jumlah yang diluluskan oleh Responden RM68,000.00, Pemohon hanya menerima RM57,775.00 sahaja. Sepatutnya, pihak Responden hendaklah menyatakan dengan jelas butir-butir potongan itu supaya Pemohon dapat memahaminya.
6. Responden juga telah menipu Pemohon mengenai kadar faedah yang dikenakan. Mengikut agen Responden, kadar faedahnya adalah 2.5% setahun selama tempoh bayaran 4 tahun. Sebaliknya Pemohon telah dikenakan faedah rata 10% setahun selama 6 tahun.

Kesimpulan dari fakta-fakta di atas, saya mengesyorkan supaya Pemohon dibenarkan membuat tuntutan seperti di bawah:

“hanya untuk membayar baki pinjaman sebanyak RM10,713.59 setelah ditolak kadar bayaran yang telah dibayar oleh Pemohon bermula dari April 2009 sehingga Oktober 2011 iaitu sebanyak RM47,061.41. Penyelesaian pinjaman adalah berdasarkan kadar pokok wang pinjaman yang diterima oleh Pemohon sebanyak RM57,775.00 sahaja”

Selain apa yang disebutkan di atas, saya bersetuju sebulat suara dengan alasan award Pengerusi Tribunal Koperasi yang telah saya baca.

Bertarikh pada 13 Januari 2012

TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL,

ANGGOTA PANEL KOPERASI